

**ASAS KEUSAHAWANAN**

**DISEDIAKAN UNTUK:**

EN. GOH CHING SEE  
PENSYARAH ETR 300


**DISEDIAKAN OLEH:**

NOR HAIZREE AHMAD BADRI	96604646
RUZILAWATI SURIP	96603010
NURRAFEAH MOHD HASHIM	96592850
SAIRULBARIAH ALI	96589248
NORALIZA TOSIRUN	96607917
MAZLINA ABDULLAH	96968192

**DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM 5 (C)**

**SESSI DISEMBER 1998 - APRIL 1999**

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA , MELAKA**



# INSTITUT TEKNOLOGI MARA

## CAWANGAN MELAKA

### MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 28hb. Disember 1998  
Surat Tuan:  
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka  
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771  
Telefax: 06-563963 06-5591067

#### KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Nor Haizree Ahmad Badri	96604646
2.	Mazlina Abdullah	96968192
3.	Noraliza Tosirun	96607917
4.	Ruzilawati Surip	96603010
5.	Nurrafeah Mohd Hashim	96592850
6.	Sairulbariah Ali	96589248

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarluaskan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



ROZALLI HASHIM/  
Ketua Kursus DPA  
ITM Melaka.  
b/p Pengetua

## **SURAT PENGESAHAN**

**Golden Leaves Nursery,  
Diploma Pentadbiran Awam,  
Institut Teknologi MARA,  
Melaka.**

**27 Mac 1999**

**En Goh Ching See  
Pensyarah Keusahawanan (Tutorial)  
Institut Teknologi MARA,  
Melaka.**

**Tuan,**

### **RANCANGAN PERNIAGAAN PROJEK PENANAMAN DAN PEMBEKAL POKOK-POKOK.**

Dengan segala hormatnya merujuk pekara diatas, kami dari kumpulan Projek Penanaman dan Pembekal Pokok-pokok telah menyiapkan Rancangan Perniagaan (RP) bagi memenuhi kehendak matapelajaran ETR 300.

Kami berharap pihak tuan akan berpuashati dengan penghasilan RP ini dan semoga ianya akan memberi kebaikan bagi pihak tuan mahupun pihak kami.

**Kerjasama pihak tuan amatlah kami hargai. Sekian. Terima kasih.**

**Berusaha ke arah kecemerlangan.**

**Yang benar,**

**(NORHAIZREE BT AHMAD BADRI)  
Ketua Kumpulan  
Projek Penanaman dan Pembekal pokok-pokok.**

## 1.0 PENGENALAN

Bidang perniagaan atau dunia keushawanan merupakan satu bidang ekonomi yang amat menguntungkan dan amat luas. Ia memerlukan ketabahan, kegigihan dan kesungguhan dalam mencapai tahap yang membanggakan. Untuk memastikan apa yang diimpikan tercapai, selain mempunyai semangat dan keyakinan yang tinggi seseorang itu haruslah mempunyai ciri-ciri seorang usahawan yang berjaya. Beliau juga harus kreatif, cepat bertindak terhadap setiap peluang yang ada, berinovatif, berinisiatif dan peka terhadap perkembangan dunia perniagaan masa kini yang semakin mencabar dan kompetitif.

Perniagaan merupakan penyumbang terbesar sumber ekonomi dan pendapatan sesebuah negara. Malah Islam sendiri menggalakkan agar umatnya bermiaga kerana 90% daripada sumber ekonomi itu datangnya daripada perniagaan. Perniagaan bukan sahaja bermatlamatkan keuntungan bahkan bagi mendapatkan keredhaan Allah Taala, di atas nikmat yang telak di kurniakan kepada manusia.

Kerajaan Malaysia dalam usaha menambah bilangan usahawan-usahawan muda terutama kaum bumiputera dalam bidang perniagaan, menggalakkan mereka ini terlibat dalam sektor pertanian. Ini bertujuan untuk mewujudkan keseimbangan di antara sektor yang sedia ada dengan sektor perniagaan. Maka untuk menyahut seruan kerajaan itu kami bersepakat menubuhkan perniagaan dalam bidang pertanian.

Kami memilih perusahaan penjualan bunga-bunga dan tanaman lain, memandangkan pasaran yang tinggi dan prospek yang meluas di masa hadapan. Kami juga yakin mampu menyaingi perusahaan yang sedia ada dan mampu memperolehi keuntungan yang membanggakan berdasarkan kepada penyelidikan yang telah kami jalankan bagi memastikan usaha ini berjaya.

## 2.0 TUJUAN

Rancangan perniagaan merupakan satu dokumen yang mengandungi maklumat dan analisa mengenai penubuhan sesebuah perniagaan sebagai rujukan dan panduan kepada para usahawan yang ingin melibatkan diri dalam bidang perniagaan. Ia juga disediakan agar tidak berlaku kesilapan pengendalian perniagaan dan seterusnya menghasilkan satu kerja yang rapi lagi sistematik.

Melalui rancangan perniagaan, para usahawan berpeluang mengkaji dan mengamalkan sesebuah perniagaan yang ingin dijalankan samada berdaya maju atau sebaliknya. Rancangan perniagaan mengandungi rancangan pentadbiran, rancangan operasi, rancangan pemasaran dan rancangan kewangan yang mana setiap satu bahagian ini mempunyai kaitan antara satu sama lain untuk memastikan kelincinan perjalanan sesebuah perniagaan. Untuk perniagaan kami ini, kami sediakan rancangan perniagaan ini untuk tujuan berikut :-

1. Sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 sebagai penilaian dan membolehkan kami mendapatkan diploma dalam bidang pengajian kami
2. Untuk mendapat keredhaan Allah s.w.t. melalui rancangan yang teliti, usaha yang diredhai serta kejujuran dalam merebut peluang perniagaan
3. Mengenalpasti masalah-masalah yang bakal dihadapi sebelum dan semasa perniagaan menjalankan operasi.
4. Mewujudkan daya saing yang sihat antara para usahawan untuk meningkatkan kreativiti sesebuah perniagaan. Untuk menggalakkan pihak individu dan swasta terutamanya Bumiputera untuk mempunyai daya saing dalam persaingan permintaan tumbuhan.
5. Perniagaan akan dapat meyakinkan pelanggan tentang keberkesanan dan keupayaan syarikat didalam memenuhi keperluan dan kehendak mereka.